

Tasik Chini berisiko jadi paya



Pengusaha bot pelancong terjejas dengan ketiadaan pelancong melawat Tasik Chini akibat aktiviti perlombongan menyebabkan ekosistem flora dan fauna terganggu.



Kedaaan air Sungai Chini yang keruh susulan aktiviti perlombongan di Tasik Chini.

Penduduk Orang Asli tak nikmati bekalan air bersih sejak 22 tahun

Berita HARIAN (09/08/2022) NALS 0

Sepuluh keluarga bergantung air telaga sejak aktiviti perlombongan berleluasa

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Chini: Biarpun menjalani kehidupan dikelilingi air tawar dari Tasik Chini, namun kira-kira 10 keluarga penduduk Orang Asli dekat Kampung Puput di sini, sanggup berulang-alik menaiki bot dan sampan ke daratan berdekatan hanya untuk mendapatkan air bersih.

Mereka mendakwa tiada pilihan lain selain mengharungi kesusahan itu daripada menggunakan air tasik terbabit untuk pelbagai kegunaan seharian.

BH difahamkan, ketika ini mereka hanya bergantung kepada sumber air dari sebuah telaga, tetapi sekiranya ia tidak dapat digunakan khususnya selepas banjir, mereka terpaksa mengangkut air dari sebuah balai raya perkampungan Orang Asli, Kampung Gumum, yang terletak berhampiran Felda Chini.

Telaga uzur, air keruh

BH yang meninjau perkampungan itu turut mendapati telaga yang digunakan penduduk kampung begitu uzur dengan keadaan air yang didakwa bersih itu sangat keruh.

Seorang penduduk, Baharin Sunta, 68, berkata mereka tidak mahu meminum air dari Tasik Chini kerana sedar ia berbahaya kepada kesihatan diri sendiri.

“Sudah lama kami tidak guna air tasik ini kerana ia bukan sahaja keruh, malah rasa sangat payau meskipun ditapis atau dimasak. Jika hanya untuk mandi manda mungkin boleh, tetapi kami tidak galakkan orang luar mahupun penduduk berdekatan beriadah di sini.

“Kehidupan kami bergantung kepada sebuah telaga dan pam air yang disumbangkan seorang ahli politik, tetapi sekiranya telaga itu ditenggelami banjir atau pam air rosak, kami terpaksa memunggah air dari Kampung Gumum seperti yang berlaku pada April lalu,” katanya kepada BH.

Berhak dapat keselesaan

Sahari Sunta, 57, yang bertanggungjawab menjaga telaga itu, mendakwa akses kepada air bersih berlarutan selepas aktiviti perlombongan di Tasik Chini berleluasa.

“Sejak tahun 2000, masalah bekalan air ke kampung ini dihadapi dan semakin teruk hari demi hari. Walaupun tak ramai, tapi kami juga berhak mendapatkan keselesaan seperti penduduk negara ini yang lain.

“Kami juga mahu bekalan air bersih seperti orang lain kerana sekiranya banjir berlaku, telaga yang ada tidak dapat digunakan dengan lama dan kami terpaksa memerah kudrat memohon bantuan dari kampung



Sahari menunjukkan air perigi kurang bersih yang menjadi sumber bekalan penduduk di Kampung Orang Asli Tanjung Puput, Tasik Chini.

berdekatan,” katanya

Seorang lagi penduduk, Khidir Sunta, 65, juga mengharapkan kerajaan menyediakan paip air untuk memberikan akses air bersih kepada penduduk kampung.

“Kita selalu meminta infrastruktur diberikan kepada kami. Kami tidak meminta lebih, cukuplah bekalan air bersih dan jalan yang lebih teratur untuk perhubungan keluar masuk,” katanya.

“Sudah lama kami tidak guna air tasik ini kerana ia bukan sahaja keruh, malah rasa sangat payau meskipun ditapis atau dimasak”

Baharin Sunta,
Penduduk

